

NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN  
DALAM MAHKAMAH SESYEN KUALA KANGSAR  
KES JENAYAH NO: 61-2-11-2014

Antara

PENDAKWA RAYA

Lawan

ANPARASU A/L KADAMPIAH (ORANG KENA TUDUH)

**ALASAN PENGHAKIMAN**

[1] Di dalam kes ini Orang Kena Tuduh (OKT) telah dituduh dengan pertuduhan-pertuduhan seperti berikut:

**Pertuduhan Pertama**

Bahawa kamu pada 9 September 2014 jam 9.43 pagi di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Keruh, dalam Daerah Pengkalan Hulu, dalam Negeri Perak Darul Ridzuan telah ada dalam milikan kamu melalui sebuah telefon pintar jenis Samsung Trend beberapa suratan muka surat kertas soalan Matematik 035/1 Ujian Penilaian Sekolah Rendah 2014 yang mana kamu mendapatkannya bersalah dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 serta tidak

berhak menyimpannya; oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 8(1)(c)(iii) Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

### Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu pada 9 September 2014 jam 9.29 pagi di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Keruh, dalam Daerah Pengkalan Hulu, dalam Negeri Perak Darul Ridzuan telah ada dalam milikan kamu melalui sebuah telefon pintar jenis Samsung Trend beberapa suratan muka surat kertas soalan Matematik 035/2 Ujian Penilaian Sekolah Rendah 2014 yang mana kamu mendapatkannya bersalahan dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 serta tidak berhak menyimpannya; oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 8(1)(c)(iii) Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

### Pertuduhan Ketiga

Bahawa kamu pada 10 September 2014 jam 9.15 pagi di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Keruh, dalam Daerah Pengkalan Hulu, dalam Negeri Perak Darul Ridzuan telah ada dalam milikan kamu melalui sebuah telefon pintar jenis Samsung Trend beberapa suratan muka surat kertas soalan Science 018 Ujian Penilaian Sekolah Rendah 2014 yang mana kamu mendapatkannya

bersalah dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 serta tidak berhak menyimpannya; oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 8(1)(c)(iii) Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

[2] OKT telah dilepas dan dibebaskan tanpa perlu dipanggil membela diri setelah Mahkamah mendapati suatu kes prima facie di bawah pertuduhan di atas telah gagal ditunjukkan oleh pendakwaan. Pihak pendakwaan tidak berpuas hati dengan keputusan yang diberikan dan merayu ke Mahkamah Tinggi terhadap keputusan tersebut.

[3] Mahkamah Tinggi telah membenarkan rayuan pihak pendakwaan dan memerintahkan supaya OKT dipanggil membela diri terhadap pertuduhan tersebut.

[4] Setelah mendengar keterangan saksi pembelaan dan setelah meneliti hujahan bertulis pembelaan dan pendakwaan, Mahkamah mendapati pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang menasabah terhadap pertuduhan yang dikenakan dan pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes melampaui keraguan yang menasabah.

[5] OKT dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan berkenaan. Pihak pendakwaan tidak berpuas hati dengan keputusan yang diberikan dan merayu terhadap keputusan tersebut.

### **Kes pembelaan**

[6] Semasa di peringkat kes pembelaan, hanya OKT sahaja yang memberikan keterangan.

### **Keterangan OKT**

[7] Pada tahun 2014, OKT ialah guru sekolah dan juga Penolong Kanan Pentadbir SJK (T) Pengkalan Hulu, Perak. OKT telah bertugas sebagai guru sekolah selama 28 tahun. Pada tahun 2014, OKT mengajar matapelajaran Bahasa Inggeris untuk Tahun 4 dan 5 dan tidak mengajar apa-apa matapelajaran UPSR. OKT tidak mengajar murid-murid Tahun 6 yang menduduki peperiksaan UPSR pada tahun 2014.

[8] OKT tidak menjadi ketua pengawas atau pengawas peperiksaan pada tahun 2014. Pada tahun 2014, OKT mempunyai telefon bimbit yang didaftarkan atas nama OKT bernombor 0124488152. Telefon bimbit tersebut tidak mempunyai sambungan internet dan whatsapp kerana ia merupakan telefon jenis lama iaitu Nokia.

[9] OKT pernah menggunakan telefon bimbit kepunyaan anak OKT yang bernama Bhaweethraa a/p Anparasu bernombor 0124850626. Menurut OKT, OKT menggunakan telefon bimbit tersebut pada bulan September 2014. Kumpulan whatsapp dibentuk oleh beberapa orang guru yang OKT kenal. OKT menjadi ahli kumpulan whatsapp berkenaan dengan menggunakan telefon bimbit kepunyaan anak OKT tersebut. Sebelum itu, OKT jarang menggunakan telefon bimbit anaknya itu dan OKT juga tidak mahir menekan butang applikasi yang ada. OKT dibantu oleh guru-guru sekolah dan anaknya.

[10] Menurut OKT, memang ada guru-guru sekolah OKT yang telah menggunakan telefon bimbit tersebut untuk menghantar whatsapp. Ada kalanya, telefon bimbit berkenaan digunakan oleh guru-guru lain untuk membaca whatsapp, tips-tips dan ramalan-ramalan UPSR yang diterima pada saat-saat akhir.

[11] Menurut OKT sebelum peperiksaan UPSR tiba, banyak kelas tambahan akan diadakan. Murid-murid dilatih tubi dengan soalan-soalan tahun lepas dan soalan ramalan. Seminar juga diadakan. Fasilitator kebanyakannya merupakan panel pembina dan pemeriksa kertas soalan UPSR. Soalan-soalan tahun lepas dan soalan-soalan ramalan akan diberi dan dilatih hingga saat-saat akhir peperiksaan.

[12] Menurut OKT, pada setiap tahun diperolehi soalan-soalan ramalan, soalan pra UPSR dan soalan percubaan UPSR daripada semua negeri dan kertas soalan yang digubal oleh Majlis Guru Besar. Kertas soalan ini akan digunakan sebagai latihan di sekolah untuk melatih tubi murid-murid menghadapi peperiksaan UPSR.

[13] Menurut OKT, kebanyakan soalan seakan-akan sama dengan format kertas peperiksaan sebenar UPSR di mana hanya unit dan format yang berbeza sedikit tetapi kandungannya lebih kurang sama. OKT tidak pernah mendapat soalan-soalan sebenar peperiksaan UPSR sebelum tahun 2014.

[14] Menurut OKT, kertas soalan sebenar UPSR juga boleh dilihat diubahsuai daripada soalan-soalan tahun lepas, soalan percubaan dan soalan ramalan.

[15] Menurut OKT sebelum tahun 2014, kertas soalan-soalan ramalan dan percubaan dihantar oleh guru-guru yang terlibat dari sekolah lain secara faks atau pos atau emel, sistem pesanan ringkas dan sebagainya. Kebanyakannya boleh didapati di dalam portal-portal seperti bumigemilang, sjktkeruh blogspot.

[16] Bumigemilang merupakan satu portal di mana kesemua kertas soalan UPSR, PMR dan SPM disimpan oleh pentadbir yang berkenaan. Sjktkeruh blogspot merupakan portal sekolah OKT dan bumigemilang serta sjktkeruh blogspot mempunyai *link* atau rangkaian yang boleh diakses oleh sesiapa sahaja. Pada tahun 2014, OKT menerima tips-tips UPSR melalui whatsapp.

[17] Pada tahun 2014, OKT tidak terlibat secara langsung dalam program ulangkaji untuk penyediaan peperiksaan UPSR. Namun, secara tidak langsung, OKT akan memastikan guru-guru membuat persediaan rapi dan OKT akan menyelia program-program yang ditentukan dijalankan dengan sempurna.

[18] Pada tahun 2014, OKT mendapat tips-tips soalan Bahasa Inggeris, Matematik dan Bahasa Tamil. OKT hanya fokus kepada Bahasa Inggeris yang OKT terlibat mengajarnya di Tahun 4 dan 5. Pada tahun 2014, OKT pasti whatsapp-whatsapp yang diterima tidak satupun mengandungi muka hadapan kertas soalan UPSR. Whatsapp-whatsapp yang diterima hanyalah kandungan sahaja tanpa muka hadapan dan dalam kandungan itupun tidak dirujuk mana-mana tempat dan tahun soalan itu dikeluarkan.

[19] Oleh itu, OKT tidak tahu sama ada tips-tips yang diterima melalui whatsapp merupakan soalan sebenar UPSR atau tidak. Pada tahun 2014, contoh-contoh latihubi diperolehi dari guru-guru sekolah lain, dari portal bumigemilang, sjktkeruh blogspot, cikgunet, faks dan whatsapp.

[20] OKT dirujuk dengan beberapa mukasurat tertentu dalam ekhibit pendakwaan iaitu P17 yang merupakan laporan forensik dari Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM). Mukasurat yang dimaksudkan adalah mukasurat 29-31,35-36,39-40 dan 42-51. Menurut OKT, P17 hanya memetik sebahagian dari imej-imej dari whatsapp dan banyak pula diulang-ulang. Imej-imej itu langsung tidak jelas dan tidak mengikuti urutan muka surat. OKT tidak menyangka dan tahu sekiranya soalan-soalan tersebut mirip soalan sebenar UPSR 2014. Ini disebabkan OKT tidak mengajar matapelajaran Matematik dan OKT tidak meneliti atau mengkaji whatsapp dengan contoh soalan atau tips kertas Matematik.

[21] Menurut OKT sekiranya pada masa tersebut OKT mendapat soalan peperiksaan UPSR 2014 yang sebenar sebelum peperiksaan bermula maka OKT akan melaporkan perkara tersebut kepada pihak berkuasa.

[22] Menurut OKT, OKT sendiri tidak pernah menangkap gambar soalan-soalan ramalan UPSR dan menghantarnya kepada orang lain. Sebaliknya, semuanya adalah *forwarded message* dari pihak lain.

[23] Menurut OKT, Pada bulan September 2014, Inspektor Vikneswaran memanggil OKT datang ke IPD Putrajaya. Pegawai polis berkenaan telah merampas telefon bimbit OKT dan bertanyakan dari manakah OKT

memperolehi soalan. OKT memaklumkan OKT menerima banyak tips atau soalan dari pelbagai sumber sama ada yang dikenali atau tidak dikenali. OKT membawa telefon bimbit nombor 0124850626 dari anak OKT dan menyerahkannya kepada pihak polis.

[24] Menurut OKT, OKT tidak mengesyaki bahawa OKT akan dituduh semasa pihak polis memanggil OKT kerana OKT telah memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak polis di mana OKT telah dipanggil sebanyak dua kali dan OKT hadir dalam kedua-dua panggilan berkenaan. OKT juga tidak ragu-ragu membawa telefon bimbit yang menjadi keterangan dalam kes ini dan OKT memberikan telefon bimbit tersebut kepada pihak polis.

[25] OKT merasa tidak bersalah. Di dalam hati OKT sedikit pun tidak merasa gusar bahawa dengan menyerahkan telefon bimbit tersebut kepada Inspektor Vikneswaran akan mengundang masalah seperti yang OKT hadapi sekarang ini.

[26] OKT juga mengetahui pada masa itu ramai juga dari kalangan cikgu yang telah menggunakan telefon bimbit pada masa kes kebocoran soalan UPSR 2014 telah pun menukar ataupun tidak memakai telefon bimbit yang lama. OKT tidak berbuat demikian sebab OKT merasa tidak bersalah dalam hal ini.

[27] Menurut OKT, guru-guru dari sekolah OKT memang ada menerima semua whatsapp berkenaan namun OKT tidak tahu mengapa OKT sahaja yang dipersalahkan.

### **Keputusan Mahkamah di akhir kes pembelaan**

[28] Seperti mana sedia maklum di dalam kes jenayah, beban untuk membuktikan kes melampaui keraguan yang menasabah bahawa seseorang yang dituduh adalah melakukan kesalahan seperti yang dipertuduhkan adalah sentiasa terletak di pihak pendakwaan. Tugas orang yang dituduh pula hanyalah menimbulkan keraguan yang menasabah ke atas kes pendakwaan tersebut.

[29] Di dalam kes Sochima Okoye Iwn Public Prosecutor [1995] 1 MLJ 538, Mahkamah Rayuan menyatakan bahawa “*It is a well established principle of Malaysian criminal law that the general burden of proof lies throughout the trial on the prosecution to prove beyond reasonable doubt the guilt of the accused, for the offence with which he is charged. There is no similar burden placed on the accused to prove his innocence. He is presumed innocent until proven guilty. To earn an acquittal, his duty is merely to cast a reasonable doubt on the prosecution case*”.

[30] Di dalam kes ini, OKT telah diperintahkan supaya membela diri. Walau pun OKT telah dipanggil membela diri, ini tidak bermakna keterangan saksi-saksi pendakwaan yang telah diberikan semasa peringkat kes pendakwaan tidak boleh dilihat atau dinilai semula oleh Mahkamah. Untuk mencapai suatu keputusan yang adil, keterangan saksi-saksi pendakwaan perlu dilihat atau dinilai semula bagi tujuan dikaitkan dengan keterangan OKT. Daripada situ, baharulah Mahkamah dapat membuat keputusan sama ada OKT didapati salah atau harus dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan yang dikenakan.

[31] Seksyen 173 (m) Kanun Prosedur Jenayah menyatakan seperti berikut:

***“Section 173. Procedure in summary trials.***

*(m) (i) At the conclusion of the trial, the Court shall consider all the evidence adduced before it and shall decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt.*

*(ii) If the Court finds that the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt, the Court shall find the accused guilty and he may be convicted on it and the Court shall pass sentence according to law.*

*(iii) If the Court finds that the prosecution has not proved its case beyond reasonable doubt, the Court shall record an order of acquittal”.*

[32] Di dalam kes Pavone lwn Public Prosecutor [1984] 1 MLJ 77 dinyatakan bahawa “*Care must be taken to leave suspended the question of the veracity and accuracy of recollection of witnesses until after the close of the case for the defence*”.

[33] Di dalam kes Balachandran lwn Public Prosecutor [2005] 2 MLJ 301, Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa “*Section 180(1) makes it clear that the standard of proof on the prosecution at the close of its case is to make out a prima facie case while s 182A(1)(yang sama seperti seksyen 173 (m)) enunciates that at the conclusion of the trial the court shall consider all the evidence adduced and decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt*”.

[34] Di dalam kes Mahkamah Rayuan Malaysia (Bidang Kuasa Rayuan) Rayuan Jenayah No: B-05(LB)-344-12-2015 Antara Pendakwa Raya Iwn Bayanjarghal Khaliun, Mahkamah Rayuan menyatakan “*Certainly, there is nothing wrong for the learned trial judge to re-evaluate the evidence of the prosecution’s witness in light of the defence evidence. In fact it was incumbent for the learned trial judge to do so for otherwise His Lordship would be faulted with failure to sufficiently appreciate the evidence of the defence*”.

[35] Berdasarkan peruntukan seksyen 173 (m) Kanun Prosedur Jenayah dan prinsip yang telah dinyatakan dalam kes-kes di atas, Mahkamah mendapati OKT telah berjaya menimbulkan keraguan yang menasabah ke atas kes pendakwaan dan pendakwaan telah gagal membuktikan kes melampaui keraguan yang menasabah terhadap OKT.

#### **Imbasan kembali keterangan saksi-saksi pendakwaan**

[36] SP6 (Penolong Pengarah Lembaga Peperiksaan Malaysia) di dalam keterangannya mengatakan pada 10.9.2014 jam lebih kurang 10.45 pagi, SP6 mendapat panggilan daripada seorang guru menyatakan dia mendapat Whats App soalan Sains daripada seorang guru. SP6 meminta guru berkenaan menghantar Whats App itu kepada SP6. Guru yang menghantar Whats App kepada SP6 bernama Zulkifli bin Miswan daripada Johor Bahru.

[37] SP15 (bekas Pengarah Peperiksaan Lembaga Peperiksaan Malaysia) pula mengatakan soalan-soalan bocor tersebut diterima oleh SP6 iaitu Pembina soalan Sains. SP15 tidak ingat siapakah yang

menghantar WhatsApp itu kepada SP6. SP15 tidak pasti sumber bagaimanakah soalan berkenaan boleh bocor. Sehingga sekarang, SP15 tidak mengetahui punca dan siapakah orang yang membocorkan soalan Sains UPSR 2014.

[38] SP16 (pegawai penyiasat) pula mengatakan seperti berikut:

- (a) SP16 tidak tahu siapa yang membocorkan, bila dibocorkan, di mana dibocorkan dan bagaimana dibocorkan soalan-soalan peperiksaan berkenaan;
- (b) SP6 tidak dituduh di mahkamah. Miswan juga tidak dituduh di mahkamah. SP16 tidak tahu kenapa mereka tidak dituduh;
- (c) Miswan pula mendapat mesej daripada cikgu-cikgu yang lain. SP16 ada menyiasat cikgu-cikgu tersebut. Tidak ada pertuduhan dikenakan ke atas mereka;
- (d) SP16 mengatakan jika hendak dituduh di dalam kes ini kemungkinan beratus-ratus orang akan dituduh. SP16 bersetuju jika ditanya turutan daripada awal, adalah mustahil untuk SP16 memberitahu punca kebocoran soalan-soalan peperiksaan tersebut;
- (e) SP16 bersetuju sekiranya berlaku kebocoran soalan-soalan peperiksaan sebelum peperiksaan sebenar dijalankan, kebocoran ini disebabkan oleh perbuatan orang dalam dan orang awam tidak akan mengetahuinya. Menurut SP16, orang dalam yang dimaksudkan adalah semua kakitangan di bawah Kementerian Pendidikan termasuk Lembaga Peperiksaan;
- (f) SP16 bersetuju jika seseorang menghantar WhatsApp atau mesej, orang yang menerima mesej tersebut tidak boleh mengelak daripada menerima mesej berkenaan;

- (g) Menurut SP16, ini adalah kes yang pertama kali beliau hadapi. SP16 bersetuju skop kes ini adalah luas dan SP16 tidak dapat memastikan berapa orang yang terlibat dalam kes ini; dan
- (h) SP16 juga bersetuju kes ini amat berat. Tetapi bukti amat tipis dan samar-samar. Oleh itu, SP16 tiada pilihan dan terpaksa menyimpulkan kes ini.

[39] Berdasarkan perkara-perkara di atas, timbul tanda tanya di pihak Mahkamah dan seterusnya menimbulkan keraguan bagaimanakah OKT pula yang boleh dituduh sedangkan keterangan jelas menunjukkan penglibatan pihak lain dan juga sehingga kini punca kebocoran soalan Matematik dan Sains tahun 2014 (UPSR) dan siapa yang membocorkan soalan tersebut tidak dapat diketahui.

[40] Dalam keadaan Zulkifli bin Miswan dan SP6 juga memiliki soalan-soalan peperiksaan berkenaan di dalam telefon bimbit mereka, keadaan mereka juga adalah serupa seperti OKT dan mereka juga berpotensi untuk dituduh. OKT juga boleh mengatakan yang dirinya menerima soalan-soalan berkenaan dari pihak lain sama seperti SP6 yang menerima soalan-soalan berkenaan dari Zulkifli bin Miswan.

**Keterangan-keterangan saksi-saksi pendakwaan di atas dalam konteks kes pembelaan**

[41] Pada tahun 2014, OKT mendapat tips-tips soalan Bahasa Inggeris, Matematik dan Bahasa Tamil. OKT pasti whatsapp-whatsapp yang diterima tidak satupun mengandungi muka hadapan kertas soalan UPSR.

[42] Whatsapp-whatsapp yang diterima hanyalah kandungan sahaja tanpa muka hadapan dan dalam kandungan itu pun tidak dirujuk mana-mana tempat dan tahun soalan itu dikeluarkan. Oleh itu, OKT tidak tahu sama ada tips-tips yang diterima melalui whatsapp merupakan soalan sebenar UPSR atau tidak.

[43] OKT sendiri tidak pernah menangkap gambar soalan-soalan ramalan UPSR dan menghantarnya kepada orang lain. Sebaliknya, semuanya adalah *forwarded message* dari pihak lain. Guru-guru dari sekolah OKT memang ada menerima semua whatsapp berkenaan namun OKT tidak tahu mengapa OKT sahaja yang dipersalahkan.

[44] SP6 dan Zulkifli bin Miswan juga mempunyai imej-imej berkenaan. SP6 dan mungkin Zulkifli bin Miswan juga pastinya secara sendiri tidak pernah menangkap gambar soalan-soalan ramalan UPSR dan menghantarnya kepada orang lain. Sebaliknya, semuanya adalah *forwarded message* dari pihak lain.

[45] Dalam keadaan ini dan dengan keadaan telefon bimbit Cikgu Zulkifli bin Miswan dan SP6 yang sudah tentunya memiliki ciri-ciri yang sama dengan telefon bimbit OKT iaitu gambar-gambar yang dihantar secara whatsapp adalah *forwarded message* maka apakah bezanya kedudukan SP6 dan Cikgu Zulkifli bin Miswan berbanding dengan OKT?

[46] Perkara di atas boleh dikaitkan dengan keterangan SP16 yang mengatakan:

- (a) jika seseorang menghantar Whats App atau mesej, orang yang menerima mesej tersebut tidak boleh mengelak daripada menerima mesej berkenaan;
- (b) ini adalah kes yang pertama kali SP16 hadapi dan skop kes ini adalah luas dan SP16 tidak dapat memastikan berapa orang yang terlibat dalam kes ini; dan
- (c) kes ini amat berat namun bukti amat tipis serta samar-samar dan oleh itu, SP16 tiada pilihan dan terpaksa menyimpulkan kes ini.

[47] Apabila SP16 mengatakan sedemikian dan di dalam kedudukan SP6 dan Cikgu Zulkifli bin Miswan yang sama seperti OKT seperti mana keterangan di atas maka adalah tidak selamat untuk menyabitkan OKT dengan pertuduhan yang dikenakan terhadap OKT.

[48] Analogi yang sama juga terpakai ke atas Cikgu Zulkifli bin Miswan dan SP6 yang sudah tentunya telefon bimbit mereka memiliki ciri-ciri yang sama dengan telefon bimbit OKT iaitu orang yang menerima whatsapp atau mesej tersebut tidak boleh mengelak daripada menerima whatsapp atau mesej berkenaan.

**Sama ada OKT telah berjaya menimbulkan keraguan yang menasabah**

[49] Menurut OKT, kebanyakan soalan seakan-akan sama dengan format kertas peperiksaan sebenar UPSR di mana hanya unit dan format yang berbeza sedikit tetapi kandungannya lebih kurang sama. OKT tidak pernah mendapat soalan-soalan sebenar peperiksaan UPSR sebelum tahun 2014.

[50] Menurut OKT, kertas soalan sebenar UPSR juga boleh dilihat diubahsuai daripada soalan-soalan tahun lepas, soalan percubaan dan soalan ramalan.

[51] Pada tahun 2014, OKT pasti whatsapp-whatsapp yang diterima tidak satupun mengandungi muka hadapan kertas soalan UPSR. Whatsapp-whatsapp yang diterima hanyalah kandungan sahaja tanpa muka hadapan dan dalam kandungan itupun tidak dirujuk mana-mana tempat dan tahun soalan itu dikeluarkan. Oleh itu, OKT tidak tahu sama ada tips-tips yang diterima melalui whatsapp merupakan soalan sebenar UPSR atau tidak.

[52] Daripada keterangan-keterangan di atas, ia menunjukkan OKT tidak tahu dan tidak menyangka tentang kewujudan imej kertas peperiksaan dalam telefon bimbitnya kerana OKT telah terbiasa dengan rutin sebagai seorang guru iaitu pada setiap tahun melatih tubi murid-murid menghadapi peperiksaan UPSR berdasarkan kertas soalan-soalan tahun lepas, soalan-soalan ramalan, soalan pra UPSR dan soalan percubaan UPSR yang diterima daripada semua negeri dan kertas soalan yang digubal oleh Majlis Guru Besar. Oleh kerana itulah OKT tanpa banyak soal dan tanpa mengesyaki apa-apa telah menyerahkan telefon bimbitnya kepada pihak polis.

[53] Keterangan OKT yang paling penting ialah OKT telah mengatakan bahawa kebanyakan soalan seakan-akan sama dengan format kertas peperiksaan sebenar UPSR di mana hanya unit dan format yang berbeza sedikit tetapi kandungannya lebih kurang sama.

[54] Keterangan lain yang tidak kurang pentingnya ialah OKT telah mengatakan OKT sendiri tidak pernah menangkap gambar soalan-soalan ramalan UPSR dan menghantarnya kepada orang lain. Sebaliknya, semuanya adalah *forwarded message* dari pihak lain.

[55] OKT ialah guru sekolah dan juga Penolong Kanan Pentadbir SJK (T) Pengkalan Hulu, Perak. Pada tahun 2014, OKT mengajar matapelajaran Bahasa Inggeris untuk Tahun 4 dan 5 dan tidak mengajar apa-apa matapelajaran UPSR. OKT tidak mengajar murid-murid Tahun 6 yang menduduki peperiksaan UPSR pada tahun 2014.

[56] Pada tahun 2014, OKT tidak terlibat secara langsung dalam program ulangkaji untuk penyediaan peperiksaan UPSR. Namun, secara tidak langsung, OKT akan memastikan guru-guru membuat persediaan rapi dan OKT akan menyelia program-program yang ditentukan dijalankan dengan sempurna.

[57] Pada tahun 2014, OKT mendapat tips-tips soalan Bahasa Inggeris, Matematik dan Bahasa Tamil. OKT hanya fokus kepada Bahasa Inggeris yang OKT terlibat mengajarnya di Tahun 4 dan 5.

[58] Keterangan-keterangan seperti mana yang dinyatakan dalam perenggan [55], [56] dan [57] di atas pada pendapat Mahkamah telah menimbulkan keraguan yang menasabah ke atas kes pendakwaan.

[59] Apabila OKT hanya mengajar matapelajaran Bahasa Inggeris untuk Tahun 4 dan 5 dan tidak mengajar apa-apa matapelajaran UPSR dan

OKT juga tidak mengajar murid-murid Tahun 6 yang menduduki peperiksaan UPSR pada tahun 2014 maka sebagai guru yang tidak mempunyai kaitan atau kepentingan dengan matapelajaran Sains dan Matematik tiada keperluan untuk OKT menekankan dengan serius matapelajaran-matapelajaran berkenaan.

[60] Oleh kerana itulah apabila OKT mendapat tips-tips soalan Bahasa Inggeris, Matematik dan Bahasa Tamil, OKT hanya fokus kepada Bahasa Inggeris yang OKT terlibat mengajarnya di Tahun 4 dan 5.

[61] Memandangkan OKT hanya menerima *forwarded message* bagi matapelajaran yang tidak diajarnya maka kerana itulah OKT tidak tahu dan tidak menyangka tentang kewujudan imej kertas peperiksaan dalam telefon bimbitnya.

[62] Namun begitu, sebagai Penolong Kanan Pentadbir sekolah di mana OKT bertugas, OKT perlulah secara umumnya bertindak memastikan guru-guru membuat persediaan rapi dan OKT akan menyelia program-program yang ditentukan dijalankan dengan sempurna.

[63] Berdasarkan perkara-perkara di atas, OKT dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan yang telah dikenakan.

Tarikh: 6.7.2018

**(JOHARI BIN HASSAN)**

Hakim

Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar

Perak Darul Ridzuan

Pendakwa Raya:

Yusaini Amer Bin Abdul Karim- Timbalan Pendakwa Raya

Peguam OKT :

T.Ellanggovan

Tetuan Ellan & Co

Peguambela & Peguamcara

210 2<sup>nd</sup> Floor

Tokio Marine Life Building

45-C Jalan Tun Sambanthan

30000 Ipoh

Perak Darul Ridzuan